UUM/AA88/BH/15.10.2026/P:12(1-3)

UUM NEWS HIGHLIGHTS

The Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 15/10/26 Page: 12

Harian

Rekod empirikal petunjuk kerajaan mampu laksana Belanjawan 2027

- BUDI MADANI Diesel dilaksanakan secara nasional mulai 1 Julai 2026, manakala hasil penyasaran subsidi digunakan sebahagiannya untuk memperluas perlindungan sosial

- Dalam sektor kesihatan, lebih 15,000 doktor kontrak sudah dilantik secara tetap sejak 2023, termasuk sekitar 4,000 pada 2026. Kerajaan kini berjanji melangkah lebih jauh dengan menawarkan lebih 9,000 lagi jawatan tetap pada 2027



Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (MAPAN) di Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Ada kalangan tertentu mempersoalkan kebolehlaksanaan Belanjawan 2027 dalam erti kata bolehkah kerajaan ini dipercayai untuk menunaikannya.

Dalam teori tadbir urus, kepercayaan politik menjadi suatu bentuk keyakinan berasaskan bukti bahawa institusi mempunyai keupayaan, integriti dan konsistensi untuk melaksanakan apa dijanjikan.

Dari sudut akademik, sekurang-kurangnya tiga ukuran boleh digunakan untuk menjawab persoalan kepercayaan berkenaan, iaitu rekod lampau, penginstitusian reformasi dan kebolehukuran hasil.

Pertama, prinsip *retrospective accountability*. Sebelum rakyat diminta mempercayai janji 2027, mereka berhak melihat apa yang terjadi kepada janji kerajaan dalam belanjawan sebelumnya.

Dalam hal ini, terdapat beberapa rekod signifikan yang memberikan asas kepada konsep *earned trust*.

Pertama, janji memperkukuh disiplin fiskal tidak kekal sebagai slogan apabila Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 diluluskan dan dikuatkuasakan.

Undang-undang ini menginstitusikan prinsip tanggungjawab fiskal, ketelusan dan akauntabiliti serta menetapkan kerangka pengurusan hutang dan defisit negara.

Perolehan kerajaan paling terdedah ketirisan

Dalam kata lain, reformasi sudah bergerak daripada ucapan politik kepada kekangan undang-undang yang turut mengikat pemerintah sendiri.

Kedua, janji mereformasi sistem perolehan kerajaan juga sudah diterjemahkan kepada Akta Perolehan Kerajaan 2026. Ini penting kerana perolehan kerajaan antara ruang paling terdedah kepada ketirisan dan konflik kepentingan.

Kewujudan kerangka perundangan khusus menjadikan reformasi tadbir urus lebih sukar dibatalkan hanya melalui perubahan kehendak politik.

Ketiga, kerajaan benar-benar melaksanakan reformasi subsidi bersasar selama bertahun-tahun dianggap terlalu sensitif dari segi politik.

BUDI MADANI Diesel dilaksanakan secara nasional mulai 1 Julai 2026, manakala hasil penyasaran subsidi digunakan sebahagiannya untuk memperluas perlindungan sosial.

Kerajaan menganggarkan penyasaran subsidi secara keseluruhan telah membebaskan sekitar RM15.5 bilion setahun dalam ruang fiskal.

Keempat, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) benar-benar berkembang daripada sekitar RM8 bilion pada 2022 kepada RM15 bilion pada 2026.

STR Fasa 1 tahun ini disalurkan kepada lima juta isi rumah dan warga emas, Fasa 2 kepada 5.2 juta penerima dan Fasa 3 kepada 5.3 juta penerima.

Menjelang Ogos 2026, RM3.6 bilion STR sudah disalurkan melalui tiga fasa, manakala penerima tertentu boleh menerima sehingga RM3,300 apabila STR dan SARA digabungkan.

Malah, SARA mencatat kadar penggunaan sekitar 99 peratus dalam kalangan hampir sembilan juta penerima bulanan, dengan transaksi RM3.45 bilion direkodkan menjelang Julai 2026.

Ini memberikan dimensi penting kepada konsep *delivery*, apabila bantuan bukan sahaja diperuntukkan, tetapi digunakan oleh penerima sebenar.

Kelima, janji reformasi saraan penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) juga sudah dilaksanakan secara berfasa.

Fasa pertama pelarasan berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan Fasa kedua pada 1 Januari 2026, membabitkan keseluruhan pelarasan sehingga 15 peratus bagi Kumpulan Pelaksana serta Pengurusan dan Profesional dan tujuh peratus bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Ini contoh penting kerana ia membabitkan komitmen fiskal berbilion ringgit yang tidak berhenti pada peringkat pengumuman Belanjawan 2025.

Kedua ialah konsep *state capacity*, iaitu keupayaan negara menukarkan keputusan politik kepada pelaksanaan pentadbiran dan hasil di lapangan.

Belanjawan 2027 MALAYSIA MADANI

Dalam sektor kesihatan, lebih 15,000 doktor kontrak sudah dilantik secara tetap sejak 2023, termasuk sekitar 4,000 pada 2026. Kerajaan kini berjanji melangkah lebih jauh dengan menawarkan lebih 9,000 lagi jawatan tetap pada 2027.

Dalam bidang keterhubungan pula, projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) sudah menyediakan Wi-Fi di semua kampus universiti awam (UA) dan liputan 4G di semua penempatan FELDA.

Di peringkat komuniti, Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI memanfaatkan hampir 500 kampung serta 1,700 sekolah sejak 2024.

Lebih luas lagi, program Sejahtera Komuniti MADANI (Sejati MADANI) sudah mencetuskan lebih 9,500 projek penjanaan pendapatan komuniti sejak 2024.

6 projek tebatan banjir RM336 juta disiapkan

Dalam pengurusan bencana, enam projek rancangan tebatan banjir bernilai RM336 juta disiapkan, manakala 82 projek lain sedang berjalan mengikut jadual.

Dalam aspek pemulihan kewangan individu pula, lebih 250,000 rakyat dilaporkan sudah keluar daripada status kebankrapan sejak 2023, selari dengan peluasan mekanisme pelepasan automatik di bawah Akta Insolvensi.

Barangkali satu lagi contoh yang mempunyai nilai politik besar ialah pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Sebanyak 12 perkara berkaitan MA63 sudah dimuktamadkan di bawah pentadbiran MADANI, termasuk pelantikan wakil tetap Sabah dan Sarawak dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), penyerahan Pelabuhan Bintulu kepada Sarawak, pemindahan MASWings yang kini menjadi AirBorneo serta penyerahan kuasa kawal selia elektrik kepada Sabah.

Pada masa sama, kadar interim Pemberian Khas Sabah dan Sarawak dinaikkan sehingga RM1.5 bilion.

Contoh ini penting kerana ia menunjukkan perbezaan antara *promise-making capacity* dan *delivery capacity*. Hampir semua kerajaan mempunyai kemampuan membuat pengumuman, tetapi tidak semua mempunyai kemampuan mengubah pengumuman menjadi undang-undang, pembayaran sebenar, projek yang siap atau perubahan institusi.

Maka, bolehkah kerajaan dipercayai untuk menunaikan Belanjawan 2027? Rekod menunjukkan terdapat asas empirikal untuk memberikan kepercayaan dengan undang-undang diluluskan, subsidi direformasi, bantuan dibayar, gaji diselaraskan, doktor diserap, projek disiapkan dan beberapa komitmen besar Persekutuan-negeri dilaksanakan.

Pada masa sama, bagi meningkatkan kepercayaan rakyat, setiap janji utama Belanjawan 2027 juga seharusnya mempunyai papan pemuka pelaksanaan yang akan membolehkan rakyat mengetahui apa yang sudah dimulakan, berapa dibelanjakan, berapa penerima mendapat manfaat, apa yang lewat dan mengapa ia lewat.

